

# Usahawan tempatan perlu miliki pelbagai kepakaran

KEKURANGAN tenaga pakar yang mahir dalam bidang vokasional perlu dipandang serius memandangkan bidang itu mampu menjana pulangan lumayan.

Menurut Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh, Malaysia memerlukan tenaga pakar yang ramai supaya dapat mengembangkan lagi sektor ekonomi dalam bidang tersebut.

"Tenaga pakar dalam bidang profesional seperti kejuruteraan dan sains memang sudah ada,

namun agak berkurangan bagi sektor vokasional.

"Perkara ini perlu dipandang serius supaya negara tidak akan bergantung kepada orang luar terutama dalam bidang-bidang kemahiran yang sebenarnya mampu dilakukan orang tempatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Mohamad Noorizuddin, tidak kira dalam apa bidang kepakaran, sektor ekonomi dilihat dapat berkembang dengan baik



MOHAMAD  
NOORIZUDDIN

kerana adanya pelan sokongan daripada banyak cabang.

Sehubungan itu, kerajaan perlu memberi sokongan dan kerjasama kepada agensi atau individu yang ingin melebarkan sayap dalam bidang kemahiran.

"Bidang-bidang vokasional dan kemahiran sangat penting malah ia menjadi salah satu sumber ekonomi di kebanyakan negara luar.

"Malaysia perlu mencontohi

negara luar dalam mewujudkan akademi untuk melahirkan lebih banyak tenaga pakar," ujarnya.

Jelasnya, industri kemahiran kini sangat relevan dengan kehendak pengguna malah menepati piawaian perkembangan ekonomi dalam menjana pendapatan sesebuah syarikat mahupun individu.

Usahawan-usahawan negara perlu dinaik taraf dengan pelbagai kepakaran supaya boleh mewujudkan persaingan dan mengimbangkan permintaan yang tinggi daripada pelanggan.